Agih wang zakat kepada yang berhak

UUM/0549/UM/31.10.2005/P.19 (2)

MURNI KASSIM

UM 31/10/05 19:2

PERISTIWA

DR. Nordin Kardi bersalaman dengan Saiful Nizam Nazeri (bertongkat), salah seorang penerima zakat.

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) mengagihkan sejumlah RM44,000 wang zakat kepada para pelajarnya sebagai tanggungjawab menjalankan Rukun Islam keempat.

Seramai 110 pelajar dipilih menerima wang zakat berjumlah RM400 setiap orang. Ia adalah hasil sumbangan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Badan Amal Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) dan Pusat Islam (PIs) hasil kutipan zakat fitrah tahun ini.

Majlis penyerahan wang zakat itu disempurnakan oleh Naib Canselor UUM, Datuk Dr. Nordin Kardi sempena Majlis Berbuka Puasa bersamanya di Masjid Sultan Badlishah, Kampus Sintok. Beliau mengajak semua masyarakat kampus bersama-sama melihat diri sendiri mengenai baik-buruk yang telah dilakukan dalam kehidupan seharian.

Tersasul

Katanya, "Tanpa perhitungan, kemungkinan besar kita akan mudah tersasul atau tindakan kita keluar dari daerah kemanusiaan. Sebagai seorang Muslim, mungkin kita merasakan telah banyak melakukan kebajikan, dan setelah dihitung serta dihisab, barulah kita mendapati diri kita belum banyak melakukan kebajikan. Ini mungkin disebabkan cara kita melaksanakannya bercanggah dengan prinsip agama.

"Jadi, tanggungjawab kita sebagai umat Islam, khususnya sebagai warga UUM adalah membina dan membangun negara serta membebaskan negara daripada kemiskinan.

Beliau meminta supaya staf dan mahasiswa berlumba-lumba memberikan bantuan kepada sesiapa yang memerlukan.

"Kepada penerima zakat, saya nasihatkan agar tidak perlu berasa malu disebabkan menerima zakat kerana suatu hari anda mungkin dapat membantu orang lain yang sangat memerlukan bantuan. Pendidikan memang mampu mengatasi kemiskinan dan saya harap pelajar akan menggunakan wang zakat sebaik mungkin," katanya lagi.

Sementara itu, Murni Kasim, 21, yang memeluk Islam pada 2001 juga melahirkan rasa syukur kerana menjadi salah seorang penerima zakat. Beliau berjanji akan menggunakan wang tersebut sebaik mungkin untuk pelajaran dan simpanan.

"Di samping itu, saya berharap sumbangan zakat ini dapat diteruskan setiap tahun kerana melaluinya dapat membantu golongan yang memerlukan. Secara tidak langsung dengan pemberian wang zakat ini, mampu meringankan beban keluarga dan seterusnya membantu kami meneruskan pengajian di sini," ujar Murni.